



اوپورسیتی ملیسیا ههنگ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2025

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERLUASAN TEMPAHAN KERAIAN MELALUI INKUBATOR KEUSAHAWANAN DAN SYARIKAT PEMULA PELAJAR DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENDAHULUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Perluasan Tempahan Keraian Melalui Inkubator Keusahawanan Dan Syarikat Pemula Pelajar di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pusat Pembangunan Usahawan Kreatif (PUPUK), Jabatan Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni telah berjaya memperkasa kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar UMPSA melalui inkubator keusahawanan dan syarikat pemula pelajar;
- 2.2 Sebagai langkah menyokong usaha pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar, Universiti bersetuju memperluaskan dan menambah pilihan sedia ada tempahan keraian melalui inkubator keusahawanan dan syarikat pemula pelajar untuk keraian Mesyuarat Utama Peringkat Universiti, Mesyuarat Jabatan, Aktiviti Staf, Aktiviti Pelajar, Program Universiti atau meraikan tetamu Universiti.

3.0 PERLUASAN TEMPAHAN KERAIAN MELALUI INKUBATOR KEUSAHAWANAN DAN SYARIKAT PEMULA PELAJAR

- 3.1 Syarikat pemula pelajar dan inkubator keusahawanan hendaklah sentiasa menjaga nama baik dan imej Universiti termasuk berterusan menunjukkan prestasi perkhidmatan. Tempahan keraian dibenarkan bagi penyediaan makanan tanpa melibatkan sewaan dewan/khemah serta peralatan seperti kerusi, meja, perhiasan dewan dan alat siar raya;
- 3.2 Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memberi peluang kepada syarikat pemula pelajar dan inkubator keusahawanan dalam membuat tempahan keraian tetapi tidak berkompromi dari segi kualiti perkhidmatan; dan
- 3.3 Peraturan-Peraturan lain dalam Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2025: Peraturan Dan Kadar Keraian Rasmi Di UMPSA hendaklah dibaca bersekali termasuk mana-mana pekeliling yang berkuatkuasa atau dikemaskini dari semasa ke semasa.

4.0 TARIKH KUAT KUASA


Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 8 Ogos 2025.

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang